

Graduan harus tingkatkan nilai kemanusiaan sejagat demi keamanan - Sultan Sharafuddin

SERDANG, 4 Nov - Graduan diseru memperkuatkhan nilai kemanusiaan sejagat merentasi batasan agama dan negara dalam memelihara keamanan dan menghormati sesama manusia.

Tuan Guru Besar Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah dengan konsep dunia tanpa sempadan, graduan harus bersedia dengan perubahan pemikiran global dalam aspek ekonomi, kemanusiaan dan keselamatan sejagat kerana kesemuanya mempunyai kesan kepada kesejahteraan rakyat Malaysia.

"Graduan diseru jangan terlibat dalam gerakan berpaksikan keganasan yang bertentangan dengan prinsip agama," titah baginda pada Majlis Konvokesyen ke-41 (2017) UPM, di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Baginda juga bertitah graduan harus berusaha memerangi najis dadah yang bukan sahaja merosakan pemikiran, fizikal dan emosi tetapi boleh menyebabkan kerusakan yang besar kepada bangsa dan negara"

- Sultan Sharafuddin

dah yang bukan sahaja merosakan pemikiran, fizikal dan emosi tetapi boleh menyebabkan kerusakan yang besar kepada bangsa dan negara sekiranya tidak dibanters.

"Beta berasa sangat dukacita apabila diberitahu dadah ini bukan sahaja mempengaruhi golongan belia, tetapi juga remaja yang masih bersekolah. Para graduan harus berperanan aktif dalam masyarakat untuk membanteras gejala ini daripada terus merebak," titahnya.

Pada Majlis Konvokesyen UPM pada 4 hingga 7 November 2017 selama empat hari itu, seramai 6,500 graduan pelbagai program pengajian akan menerima ijazah dan diploma iaitu doktor falsafah (Ph.D) seramai 627, sarjana (Master) 1,628, bachelors 3,720 dan diploma 525.

Pada istiadat itu, baginda mengurniakan ijazah Kehormat kepada Datuk Seri Tajuuddin Atan dan Professor Dr. Omar M. Yaghi serta gelaran Profesor Emeritus kepada Datin

Dr. Farida Fatima@ Farida Jamal, Prof. Dr. Azimi Hamzah dan Prof. Dr.

Kamariah Abu Bakar.

Konvokesyen UPM kali ini merebutkan graduan sulung untuk lima graduan Doktor Kejuruteraan, dua graduan Master Perubatan (Psikiatri) dan dua graduan Master Perubatan Keluarga.

"Beta gembira kerana UPM telah berjaya melonjak 41 anak tangga ke kedudukan 229 universiti terbaik dunia dalam penarafan QS World University Ranking berbanding pada kedudukan 270 pada tahun 2016."

"Beta juga gembira kerana UPM mengukuhkan kedudukan ke-36 universiti terbaik Asia dalam 'QS Asia Universiti Ranking 2018', "titah Sultan Sharafuddin.

Baginda turut mengucapkan tahniah kerana pada Kejohanan Sukan SEA, Kuala Lumpur 2017, seramai 75 orang pelajar UPM berjaya menyumbangkan 37 pingat iaitu 15 emas, 11 perak dan 11 pingat gangsa kepada

negara.

"Beta menggesa para alumni untuk sentiasa kembali ke UPM sama ada secara fizikal atau melalui apa kaedah sekalipun untuk bersama-sama membantu UPM. Langkah ini akan membolehkan UPM berfungsi sebagai hub ilmu yang relevan pada setiap masa," titahnya.

Sultan Sharafuddin juga gembira dengan kerjasama rapat UPM dengan industri untuk menambah kemahiran kepada pelajar seperti kerjasama strategik dengan Sime Darby Berhad, AirAsia, Holstein Sdn Bhd dan Malayan Flours Mill Berhad.

"Tahniah kerana pada Kejohanan Sukan SEA, Kuala Lumpur 2017, seramai 75 orang pelajar UPM berjaya menyumbangkan 37 pingat iaitu 15 emas, 11 perak dan 11 pingat gangsa kepada negara"

- Sultan Sharafuddin

**Sultan Sharafuddin Idris Shah
Tuanku Canselor
Universiti Putra Malaysia (UPM)**



Majlis KONVOKESYEN ke-41



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAIKTI

ihsan
Kecemerlangan & Cabaran

● 4-7 November 2017

PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAIKTI
BERILMU BERBAIKTI

Ekspo Pertanian & Pesta Konvokesyen UPM ke-41



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAIKTI

3 NOVEMBER 2017
BUKIT EKSPO, UPM

ihsan
Kecemerlangan & Cabaran

Aktiviti Utama

Pameran Penyelidikan & Pertanian | Jualan Hasil Pertanian | Jualan Pelbagai Anak Pokok | Klinik Pertanian | Pameran & Jualan Orkid | Pameran Ternakan | Jualan Pelbagai Produk & Kraf Selera Rasa Makana Tempatan & Western (Food Truck & Stall)

Aktiviti Menarik

Pertandingan Memancing | Mini Explorace | Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Cabutan Bertuah, Jualan Harga Runtuh dan Sesi Bersama Ikon Fun Run (5 km) | Pertandingan Rentak Putra Interkolej UPM | Festival Kompaq Interkolej UPM (FESKOM) | Festival Koir Interkolej UPM | Festival Nasyid Interkolej UPM (FESNIK) | Persembahan Artis Jemputan | Karaoke Santai

Rakan Media

UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA

f facebook.com/UniPutraMalaysia

t @uputramalaysia

i instagram.com/uniputramalaysia

y youtube.com/user/bppupm

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAIKTI
BERILMU BERBAIKTI